

## **Perbezaan Analisis Kepenggunaan Menurut Ekonomi Konvensional dan Ekonomi Islam**

*Consumerism Analysis Differences form Conventional and Islamic Economy*

Nurshuhaida Abdul Razak ( nurshuhaida\_86@yahoo.com.my)

Siti Zaiton Mohd Dali (sitizaitondali@yahoo.com)

Pusat Pengajian Ekonomi

Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Dewasa kini, persoalan ekonomi adalah merupakan komponen penting dalam sistem hidup Islam. Ianya bergerak dalam pendisiplinan ilmu kemasyarakatan kerana bidang pengkajiannya tertumpu kepada tindak-tanduk individu dan masyarakat dalam kegiatan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan serta selari dengan peraturan Allah s.w.t Hal ini kerana al-Quran begitu menitikberatkan kebajikan golongan miskin dan golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, kepenggunaan sebenarnya tidak dapat mengelak daripada satu amanah yang tertakluk kepada ketentuan Ilahi. Implikasinya manusia dapat mengawal sifat dan kehendak yang tidak terbatas secara terpinpin, berpandukan kepada peraturan dan kawalan-kawalan syarak. Aktiviti kepenggunaan ini penting dibicarakan kerana melihat kepada pengaruh kebendaan yang semakin hebat melanda masyarakat, khususnya dalam aspek penggunaan. Walaupun, matlamat individu ekonomi dalam aktiviti penggunaan adalah untuk mencapai kesejahteraan kehidupan. Namun, kesejahteraan dalam konteks ekonomi barat membuat pengukuran apabila seseorang individu ekonomi dapat memuaskan pelbagai kehendak terhadap barangan dan perkhidmatan semata-mata. Pandangan sedemikian berbeza dengan kehendak Islam. Nilai etika ekonomi Islam cuba mengurangkan keperluan manusia terhadap kebendaan yang berlebihan pada masa kini supaya tenaga mereka dapat diarahkan dalam soal kerohanian. Justeru, masalah pembaziran, berlumba-lumba mengejar status, budaya berhutang yang tinggi dan inflasi seterusnya mencetuskan pelbagai masalah-masalah sosial dalam masyarakat dapat dielakkan. Bahkan teori penggunaan dalam ekonomi Islam dapat memberikan satu cara perbelanjaan yang baik dan praktikal tanpa menyebabkan berlakunya inflasi dan pembaziran. Sekaligus penulisan ini dapat memberikan satu panduan kepada pengguna Muslim untuk beribadat kepada Allah s.w.t melalui penggunaan barangan dan perkhidmatan yang mereka gunakan dalam kehidupan seharian. Kepenggunaan tidak dilihat sebagai ilmu yang terpisah dengan ideologi dan akidah Islam itu sendiri. Islam sebagai satu sistem hidup yang menyeluruh, tidak menafikan kepentingan ilmu kepenggunaan tetapi mestilah berlandaskan sistem ekonomi Islam serta ketundukkan kepada sistem Allah s.w.t

### **ABSTRACT**

*In a real life, economic question plays a role component in the system of Islamic life. The research was focusing in the discipline of sociology on the actions of individual, communities during production, distribution and consumption process in line with the rules of Allah s.w.t. This is because the Quran emphasizes that the welfare of the poor people and lower income groups are balanced. Thus, the consumers really not avoid a trust that is subject to the provision of Allah s.w.t. The implications according to the rules and controls legislation, only humans can control nature and will be guided unlimited by Allah s.w.t. Especially in terms of use, the consumer activities were prosecuted for looking at the influence of an increasingly materialistic society a great hit although individuals goals are economic in the use of activities to achieve tranquility. However, the economic well-being in the context of western makes some measurement on individual economies to satisfy various requirements for good and services alone. Such a different view of Islam, the value of Islamic economics ethics try to reduce people's need for excess materials present so that their energy can be directed in terms of spirituality. Thus, the problems of waste, racing to catch up the status, culture, high debt and inflation triggering a variety of social problems in society can be avoided. Even the use of the Islamic economic theory can provide a way of spending a good and practical without causing inflation and waste. Lump*

*of this paper can provide a guide to consumers Muslims to worship Allah swt through the use of goods and services that they use in everyday life. Consumerism is not seen as a separate science with ideology and Muslim faith itself. Islam as a way of life, does not deny the importance of consumer knowledge, but must be based on Islamic economic system, and adherence to Allah swt.*

## PENGENALAN

Secara umumnya, Islam adalah agama yang membicarakan tentang kehidupan manusia samada di dunia ataupun di akhirat. Segala tindak tanduk manusia haruslah selari dengan tuntutan syariat yang telah ditentukan oleh peraturan atau hukum agama agar ianya membawa kebahagiaan pada kehidupan samada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan juga negara. Justeru itu, setiap individu harus sedar bahawa pengurusan ekonomi yang betul dan mampan boleh dilaksanakan adalah perkara utama dalam kehidupan manusia. Dalam hal ini telah ditegaskan oleh ALLAH di dalam Al-Quran yang bermaksud:-

*“Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan belanjalah (pada jalan kebajikan) sebahagian daripada harta kamu (pemberian Allah) dan dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang yang beriman kepada kamu serta membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah) mereka tetap beroleh pahala yang besar.”*

Aspek penggunaan adalah merupakan aspek yang sering kali menjadi isu utama di kalangan pengguna. Konsep kepenggunaan menurut Islam dan konvensional adalah berbeza sekali menurut ilmu ekonomi Islam. Menurut ekonomi konvensional, konsep kepenggunaan bermula dengan mengandaikan semua pengguna adalah rasional dalam membuat keputusan perbelanjaan. Rasionaliti di dalam ekonomi konvensional bermakna mana-mana pengguna akan selalu cuba memaksimumkan kepuasan material mereka dari penggunaan sumber pendapatan yang terhad yang mereka ada. Mereka mengambil keputusan berdasarkan pemikiran sendiri bagaimana mereka membelanjakan pendapatan mereka yang terhad untuk memaksimumkan kepuasan mereka. Keputusan yang dibuat mungkin dipengaruhi oleh citarasa, perubahan fesyen, harga, pendapatan, dan lain-lain. Selalunya nilai-nilai agama kurang diambilkira di dalam membuat keputusan tersebut. Utiliti adalah kebolehan atau kuasa barangan atau perkhidmatan yang dapat memberikan kepuasan kepada apa yang dikehendaki oleh pengguna. Oleh yang demikian, utiliti boleh juga dimaksudkan sebagai menggambarkan tingkat kepuasan pengguna terhadap penggunaan sesuatu atau perkhidmatan. Utiliti yang berkaitan dengan kehendak yang telah dipenuhi sebagai utiliti material atau kepuasan material. Oleh itu, secara konklusinya dalam ekonomi konvensional, pengguna dianggap rasional apabila mereka membelanjakan pendapatannya dengan cara mereka memaksimumkan utiliti material atau kepuasan material. Manakala, teori kepenggunaan ini menurut perspektif Islam pula ialah pengguna dianggap rasional apabila mereka membelanjakan pendapatan mereka untuk memaksimumkan kepuasan material sejajar dengan kepuasan kerohanian. Utiliti material akan menjadikan mereka sangat puas di dunia ini, manakala utiliti kerohanian membuatkan mereka puas di kemudian hari, akhirat. Maka dengan itu, pendapatan digunakan bukan sahaja untuk memenuhi utiliti material bahkan juga utiliti kerohanian. Contohnya, disamping kita membelanjakan pendapatan untuk makanan, pakaian, dan lain-lain keperluan, mereka mungkin juga mahu membelanjakan sebahagian pendapatan mereka sebagai derma kepada yang memerlukan. Mereka membuat keputusan perbelanjaan bukannya berdasarkan kepada pemikiran sendiri tetapi juga yang lebih penting berasaskan nilai-nilai agama iaitu agama Islam. Walaupun, barangan bukan-halal lebih murah daripada barangan halal, mereka akan tetap membeli barangan tersebut walaupun mahal. Bukti orang-orang Islam mencari jalan untuk memaksimumkan utiliti material dan juga utiliti kerohanian telah difirmankan oleh Allah s.w.t di dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 201, maksudnya:

*“Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka”.*

Pada keseluruhannya, ke semua perbelanjaan untuk barang keperluan asas memerlukan pembiayaan perbelanjaan dengan berhemat akan menyebabkan timbul pelbagai masalah kepenggunaan. Oleh itu, setiap isi rumah harus membuat pertimbangan dalam perbelanjaannya untuk faedah jangka masa panjang tanpa mengira sudut konvensional mahupun dari perspektif Islam. Justeru itu, setiap pengguna khususnya pengguna Muslim mestilah mematuhi garis panduan atau etika penggunaan yang telah ditetapkan oleh Islam terutamanya dalam penggunaan barang keperluan. Misalnya, seorang pengguna Muslim haruslah mengambilkira aspek halal, keutamaan sesuatu barang, kebersihan, kesucian,

kesederhanaan, tidak boros atau membazir di samping mengamalkan sifat-sifat dan akhlak yang terpuji. Sebagai umat Islam, sewajarnya kita perlu mengkaji gelagat atau kelakuan pengguna Muslim dalam penggunaan seharian mereka agar membolehkan kita menilainya dan seterusnya memastikan penggunaan mereka selaras dengan dasar-dasar penggunaan Islam.

Secara konklusinya, penyelidikan yang akan dijalankan ini adalah berkaitan dengan gelagat pengguna Muslim di Malaysia dalam penggunaan barang keperluan. Kajian akan membincangkan konsep-konsep barang keperluan, konsep penggunaan gelagat barang keperluan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan Muslim.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kertas kerja ini menjalankan penyelidikan melalui beberapa metodologi yang digunakan untuk mencapai objektif kajian yang dijalankan. Perkara utama di dalam metodologi kajian ini ialah kerangka kajian, teknik penganalisaan dan had kajian.

### Kerangka Kajian

Kerangka kajian bertujuan mengkaji gelagat kepenggunaan barang keperluan di kalangan Muslim. Metodologi yang digunakan dalam proses penyelidikan ini adalah berdasarkan metodologi berbentuk kualitatif iaitu berbentuk kajian perpustakaan.

### Kajian Perpustakaan

Untuk menjalankan penyelidikan berasaskan konsep penggunaan menurut Islam, rujukan telah dibuat pada buku-buku, jurnal, tesis, disertasi, kertas projek, kertas-kertas persidangan, majalah, risalah dan lain-lain yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini sama ada di dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris. Perpustakaan utama ialah Perpustakaan Tun Seri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Zaaba dan Perpustakaan Utama di Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Bandar Baru Bangi dan Perpustakaan Negara Malaysia. Metodologi ini dilakukan adalah untuk memperolehi pandangan-pandangan pemikiran ahli akademik dan pakar ekonomi yang berkaitan dengan konsep penggunaan mengikut analisis ekonomi Islam dan perbandingan dengan konsep ekonomi konvensional.

## **SUMBER DATA**

### Pengumpulan Data Sekunder

Beberapa bahan yang berbentuk data sekunder juga dijadikan sebagai kajian dalam melakukan penyelidikan bagi kertas kerja ini. Hal ini bertujuan untuk mengambil pendapat-pendapat para ahli ekonomi berkaitan dengan penyelidikan terhadap konsep penggunaan dalam Islam serta perbandingan dengan konsep ekonomi konvensional. Antara bahan yang dijadikan sebagai bahan rujukan ialah jurnal-jurnal temoatan dan luar negara, tesis, disertasi, laporan, kertas kerja, majalah dan kajian terdahulu.

## **TEKNIK PENGANALISAAN DATA**

### Induktif

Metodologi ini digunakan untuk menganalisa hujah-hujah ahli akademik dan ekonomi untuk mencari kesimpulan daripada dalil yang bersifat khusus kepada umum. Cara ini digunakan untuk menganalisa tajuk dan kemudiannya mengembangkannya kepada konsep penggunaan, konsep barangan, konsep gelagat pengguna dan sebagainya dalam perspektif Islam.

### Komparatif

Metodologi secara komparatif ini digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan penelitian dan perbandingan beberapa fakta, pendapat dan komen-komen yang diperolehi melalui hasil kajian yang terdahulu.

### **DAPATAN KAJIAN LEPAS**

Melalui Kertas Seminar hasil karya Basri bin Abdul Ghani, Abdul Aziz bin Harjin dan Sayuti bin Abdul Ghani yang berjudul “Konsep Penggunaan dari Perspektif Ekonomi Islam” menyatakan bahawa kegiatan ekonomi bergantung kepada tindak tanduk individu dan masyarakat dalam kegiatan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan secara selari dengan peraturan Allah swt. Ini adalah kerana Al- Quran begitu menitikberatkan kebajikan golongan miskin dan golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, penggunaan sebenarnya tidak dapat mengelak dari satu amanah yang tertakluk kepada ketentuan Ilahi. Implikasinya manusia dapat mengawal sifat dan kehendak yang tidak terbatas secara terpimpin berpandukan kepada peraturan dan kawalan-kawalan syarak. Aktiviti kepenggunaan ini penting untuk dibicarakan kerana melihat kepada pengaruh kebendaan yang semakin hebat melanda masyarakat. Namun, kesejahteraan dalam konteks ekonomi Barat membuat pengukuran apabila seseorang individu ekonomi dapat memuaskan pelbagai kehendak terhadap barang dan perkhidmatan semata-mata. Pandangan sedemikian berbeza dengan kehendak Islam. Penulis juga mengupas tentang etika dan nilai ekonomi Islam yang cuba mengurangkan keperluan manusia terhadap kebendaan yang berlebihan pada masa kini supaya tenaga mereka dapat diarahkan dalam soal kerohanian. Justeru, masalah pembaziran, berlumba-lumba mengejar status, budaya berhutang yang tinggi dan inflasi seterusnya mencetuskan pelbagai masalah-masalah sosial dalam masyarakat dapat dielakkan. Bahkan teori dalam penggunaan dalam ekonomi Islam dapat memberikan satu cara perbelanjaan yang baik dan praktikal tanpa menyebabkan berlakunya inflasi dan pembaziran.

Selain dari itu, melalui hasil tulisan Abdul Aziz Sahidin, Azizah M. Isa, Mohd Shukor Abdul Manan dan Habibah Lehar (2000) yang berjudul “Teori Penggunaan Menurut Perspektif Islam”, mengkaji tentang masalah-masalah yang wujud dalam ekonomi konvensional untuk memberi sumbangan kepada usaha-usaha pengislaman ilmu di negara ini khususnya dalam pendisiplinan ekonomi. Objektif ditumpukan dengan mengamati semula konsep-konsep dan asas mikroekonomi yang dikemukakan oleh ahli-ahli ekonomi konvensional dari perspektif Islam terutama dalam bidang kepenggunaan. Di dalam buku tersebut, penulis memberikan pengertian konsep penggunaan dari perspektif Islam yang sebenar. Menurut penulis, dari segi bahasa istilah penggunaan merujuk kepada perlakuan menggunakan barangan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan semasa. Donald W. Moffat mendefinisikan bahawa kepenggunaan itu bermaksud penggunaan barang dan perkhidmatan yang dapat memuaskan kehendak-kehendak pengguna. Hasil daripada penggunaan melahirkan nilai faedah dan utiliti. Manakala menurut Islam, penggunaan berasal dari istilah “istihlaq” dinyatakan sebagai “itlafain” iaitu melenyapkan zat dan menghilangkan faedahnya. Malah menurut Muhammad Abdul Mu’im Ghafar turut memberikan definisi penggunaan ialah menggunakan barang dan perkhidmatan yang akan memenuhi keperluan manusia dan citarasa mereka dan ia juga mempunyai tujuan dan matlamat penting dalam kegiatan ekonomi. Selain dari itu, di dalam buku Nasbiah Abdul Wahid dan Ishak Imail (2000) “Perlakuan Pengguna Edisi 2000” menjelaskan bahawa konsep harta sebagai amanah, ujian, alat dan pemilikannya yang tidak mutlak menjadikan manusia lebih berhati-hati dalam mencari dan menggunakan harta kekayaan. Umat Islam sedia mengakui batas-batas yang wajar kepada kenikmatan dan penggunaan harta tersebut. Mereka juga mengakui hak Allah s.w.t. serta menyedari hak orang lain terhadap sebahagian harta itu. Dalam syariat Islam, perkataan atau istilah pengguna tidak dirujuk secara lansung dalam Al-Quran. Tetapi perkataan yang berbau perintah kepada perilaku pengguna wujud dalam banyak bahagian Al-Quran. Antaranya penggunaan perkataan seperti belanjalah, makanlah, pakailah, berikanlah dan tunggailah. Kesemua perkataan ini merupakan suatu perintah kerana istilah-istilah ini bukan sahaja mengandungi suruhan untuk menggunakan sesuatu benda atau perkara yang diamanahkan oleh Allah. Dalam Islam, pengguna diberi kebebasan sepenuhnya dalam menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan untuk menikmati kesejahteraan dan keselesaan hidup. Sekalipun begitu kita dikehendaki menggunakannya menurut adab dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah. Bahkan itu, Noor ‘Ashikin binti Hamid dan Nur Amani binti Pauzai juga telah menulis dalam satu kertas kerja mereka yang berjudul “Konsep Kepenggunaan Mengikut Syariah dan Aplikasinya dalam Undang-undang Malaysia” telah merungkakan konsep kepenggunaan mengikut Syariah. Menurut Syariah, pengguna diberi kebebasan sepenuhnya dalam menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan untuk kesejahteraan hidup namun tertakluk kepada adab dan

peraturan yang ditetapkan oleh Allah. Antara adab dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah dalam menggunakan barang dan perkhidmatan ialah menjaga kebersihan dan menggunakan barang yang suci, menggunakan barangan dan perkhidmatan secara halal dan menggunakan secara bersederhana. Di dalam kertas kerja ini turut membincangkan beberapa konsep kepenggunaan mengikut adab dan peraturan yang ditetapkan oleh Syariah dan melihat sejauhmana aplikasinya dalam perundangan Malaysia. Dalam artikel penulis ini juga membuat satu rumusan bahawa terdapat juga kelemahan dalam sistem perundangan Malaysia yang berkaitan dengan kepenggunaan kini dan harus diperbaiki pada masa hadapan bagi meningkatkan keadilan sosial negara. Secara kesimpulannya, kesemua penulis-penulis telah memberikan satu panduan kepada pengguna Muslim dilihat sebagai ilmu yang terpisah dengan ideologi dan akidah Islam itu sendiri. Islam sebagai satu sistem hidup yang menyeluruh, tidak untuk beribadat kepada Allah swt melalui penggunaan barangan dan perkhidmatan yang mereka gunakan dalam kehidupan seharian. Kepenggunaan tidak menafikan kepentingan ilmu kepenggunaan tetapi mestilah berlandaskan sistem ekonomi Islam serta kepatuhan sistem Allah swt.

### **Konsep Penggunaan Menurut Ekonomi Konvensional**

Secara ringkasnya pengguna boleh didefinisikan sebagai setiap orang yang mendapatkan barangan dan perkhidmatan dari pasaran untuk kegunaan dirinya dan keluarganya. Menurut John F Kennedy, pengguna merangkumi semua orang. Dalam deklarasi di Dewan Kongres pada 15 Mac 1962 beliau menegaskan:

*'Consumers, by definition, include us all ...They are the largest economic group, affecting and affected by almost every public and private economic decision.'*

Ada pendapat yang tidak menggolongkan semua manusia sebagai pengguna. Mereka menyatakan pengguna sebagai:

*'A person to whom goods, services, credit are supplied or to be supplied by another in the course of a business carried on by him.'*

Y.A.B. Tun Dr. Mahathir Mohamed telah memberi satu definisi pada "pengguna" dalam ucapannya semasa merasmikan majlis sempena Hari Pengguna Sedunia Tahun 1992. Katanya "semua rakyat Malaysia tanpa mengira kedudukan dalam masyarakat adalah pengguna. Setiap insan adalah pengguna yang memerlukan barangan, perkhidmatan atau kurniaan alam semula jadi. Atas asas itu, pengguna adalah asas segala kegiatan ekonomi".

Di dalam perspektif ekonomi konvensional, para pemikir ekonomi umpamanya M. A. Manan dan Muslehuddin hanya membahagikan tahap barangan keperluan kepada tiga, iaitu barangan keperluan asas, barangan keselesaan dan barangan mewah. Afzalul-ur Rahman membahagikannya kepada empat iaitu barangan iaitu barangan keperluan asas, barang keperluan kecekapan, barang keselesaan, dan barang mewah. Sadeq pula membahagikan kepada lima kategori iaitu barangan keperluan hidup, keperluan asas, barangan keselesaan, barangan mewah dan barangan yang boleh membahayakan kesihatan manusia.

### **KONSEP PENGGUNAAN MENURUT ISLAM**


Dalam Islam, penggunaan atau "istihlaq" boleh dinyatakan sebagai "itlaf ain" iaitu melenyapkan zat dan menghilangkan faedahnya. Dengan kata lain, penggunaan adalah mengguna pakai sesuatu benda taua barangan yang boleh memberi faedah bagi menghasilkan manfaat yang dikehendaki. Misalnya, menggunakan air untuk minuman dan pengairan. Secara rasionalnya air itu akan habis tetapi air itu telah memberikan faedah iaitu menjaga kehidupan dan memajukan pertanian. Jelasnya *itlaf* tidak menghasilkan manfaat tetapi "*istihlaq*" menghasilkan manfaat. Islam mengajar dan membimbing manusia menggunakan nikmat tersebut dengan cara yang betul, sah dan halal menurut adab dan peraturan yang telah ditetapkanNya. Dalam Islam, wujud tiga jenis penggunaan iaitu:

- i. **Daruriyyat** adalah keperluan bagi perkara asas dan termasuk keperluan kepada makanan, pakaian dan tempat tinggal.
- ii. **Hajiyyat** adalah keperluan bagi keselesaan dan kemudahan, seperti menikmati makanan, pakaian, tempat tinggal dan kenderaan yang lebih baik jika seseorang berkemampuan. Namun, ketiadaannya tidak menjejaskan kehidupan individu.

iii. *Tahsiniyyat* adalah keperluan kepada kemewahan. Biasanya ianya melibatkan pengumpulan terhadap harta kekayaan yang tidak boleh diperolehi oleh golongan *daruriyyat*. Contohnya, penggunaan perhiasan yang mahal seperti barang kemas, kereta mewah dan sebagainya.

## FALSAFAH PENGGUNAAN MENURUT ISLAM

RAJAH 1: Falsafah Penggunaan Menurut Islam



Di dalam Rajah 1, menunjukkan falsafah penggunaan di dalam Islam. Lazimnya, penggunaan dalam hierarki barangan dan perkhidmatan merupakan peringkat semata-mata untuk tujuan penggunaan. Tanpa wujudnya penggunaan ke atas sesuatu barangan, tidak mungkin pengeluaran akan dilakukan. Beberapa falsafah penggunaan telah dibentuk untuk memberikan garis panduan kepada setiap individu ekonomi Islam iaitu:-

### a) Kemaslahatan

Keperluan manusia terhadap barangan dan perkhidmatan bukan semata-mata berasaskan kehendak yang tidak terbatas tetapi lebih kepada keperluan sebenar berasaskan masalah. Menurut Imam al-Syatibi, terdapat lima perkara yang paling asas yang mesti dijaga oleh setiap individu iaitu nyawa, agama, akal, harta dan keturunan. Semua barangan dan perkhidmatan mempunyai masalah untuk menjaga lima perkara tersebut serta merupakan keperluan kepada manusia dan dianggap sebagai barangan perlu untuk penggunaan (Saiful Azhar Rosly: 1986).

### b) Pemilikan

Penggunaan sesuatu barangan hanya boleh berlaku setelah berlakunya pemilikan sebagaimana juga aktiviti pengeluaran boleh dijalankan setelah pengeluar mempunyai hak milikan ke atas sumber yang bakal diproses dalam pengeluaran sebagaimana definisi pemilikan (*al milk*) di dalam Islam. (Muhammad Abu Zahrah : 1962).

*"Iaitu pengkhususan seseorang terhadap sesuatu benda yang memungkinkannya untuk bertindak hukum terhadap benda itu (sesuai dengan keinginannya), selama tidak ada halangan syarak".*

Ini bermaksud sesuatu harta yang dihaskan kepada seseorang, ia berhak menguasai tanpa sebarang gangguan. Bebas mengeksploitasikannya selama tiada halangan syarak. Samalah kedudukan pengguna yang tidak mempunyai hak pemilikan untuk melaksanakan penggunaan sama ada untuk diri sendiri dan orang lain. Hak pemilikan juga tanda pengakuan Islam terhadap fitrah semulajadimanusia untuk memiliki harta dan ingin menggunakannya. Harta yang diperolehi diiktiraf sebagai hak miliknya, bahkan Islam juga menyediakan undang-undang untuk melindungi sesuatu pemilikan pengguna sebagaimana firman Allah:

*“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.* (Surah al-Maidah, 5: 38)

Menerusi penjelasan ayat di atas, menggambarkan pengiktirafan hak milik bukan sekadar membenarkan pemilikan harta tetapi dilindungi dengan undang-undang Allah agar harta individu tidak dicerobohi sewenang-wenangnya.

#### c) Pengabdian

Penggunaan adalah aktiviti yang tidak terlepas daripada rangka tujuan akhir kehidupan iaitu pengabdian diri kepada Allah s.w.t. Semua harta benda yang dimiliki oleh manusia serta penggunaannya akan menjadi persoalan di hari akhirat. Ini berdasarkan maksud hadis Nabi s.a.w :

*“ Bagaimana kamu memperolehi hartamu dan bagaimana pula kamu membelanjakannya “*

(Surah al-Tirmizi, Jilid 2, 1994 halaman 20)

Di dalam hadis ini telah menghuraikan kedudukan sebenar mencari harta dan ikatan menghambakan diri kepada Allah swt iaitu sejauhmana harta yang dimiliki dibelanjakan sewajarnya pada jalan yang diredhai oleh Allah swt. Ini bererti, pada hari akhirat kelak semua pengguna Muslim akan ditanya mengenai punca pendapatan, zat barangan dan pendapatan yang diperolehi samada berpunca dari sumber yang halal atau haram di samping hala tuju perbelanjaan penggunaan tersebut dilakukan benar-benar menepati keredhaan Allah swt.

#### d) Amanah

Penggunaan adalah amanah Allah s.w.t, maka gelagat pengguna terbentuk dengan baik serta dapat mengawal kehendak yang tidak terbatasi secara terpinpin berasaskan peraturan dan kawalan syarak. Hai ini bertujuan agar manusia dapat mengawal sifat dan sikap kehendak yang tidak terbatasi berpaksikan kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Sebarang penyelewengan penggunaan adalah menyalahi kehendak Ilahi sebagai pemilik harta dan sumber-sumber yang dibekalkan kepadanya. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t iaitu :

*“Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kuasa pemerintah langit dan bumi segala yang ada di antara keduanya. Ia menciptakan apa jua yang dikehendakiNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas setiap sesuatu”*

(Surah Al-Maidah, 4: 17)

### **PERBANDINGAN PRINSIP PENGGUNAAN DALAM EKONOMI KONVENSIONAL DAN ISLAM**

Dalam Perspektif ekonomi konvensional, penggunaan barangan dan perkhidmatan mementingkan akan kepuasan manusia. Bahkan kepuasan hanyalah nikmat yang bakal dirasai di akhirat kelak. Justeru kepuasan dalam Islam tidak dipandang dari sudut kebendaan semata-mata tetapi perlu dinilai dari segi kerohanian. Kepuasan ekonomi yang bertentangan nilai Islam, hendaklah dilepaskan. Pengguna yang rasional ialah pengguna yang dapat memandu tingkahlakunya yang terangkum dalam tiga prinsip:

- 1) Kepercayaan kepada hari akhirat yang meliputi kehidupan sebelum dan selepas mati. Pertimbangan akhirat menyebabkan pengguna bukan sahaja akan membelanjakan sesuatu untuk faedah yang segera tetapi faedah yang belum nampak iaitu akhirat.
- 2) Mendapat keredhaan Allah, itulah kejayaan yang sebenar. Justeru, sumber harta, tenaga dan masa yang digunakan hendaklah diniatkan di jalan Allah dan bukan bagi kepentingan diri yang berpandukan dorongan nafsu semata.
- 3) Kekayaan harta merupakan amanah dan ujian Allah kepada pemiliknya. Oleh itu, harta hendaklah dibelanjakan secara hak dan bukan dengan cara batil seperti boros, berlebihan, membazir ke jalan yang terlarang, menyorok barangan dan sebagainya.

Realitinya, dunia perniagaan begitu ghairah menarik perhatian pengguna melalui pelbagai saluran iklan dengan pengiklanan yang mempesonakan. Iklan sepatutnya berperanan membangkitkan kesedaran pengguna dengan memberi maklumat yang benar dan tepat. Namun, berlaku juga pengiklanan yang mengabaikan peranan mereka yang sebenar sehingga terjadi penipuan kepada pengguna. Iklan sebegini kerap digunakan untuk membangkitkan emosi pengguna dengan sifat gemarkan kemewahan, kemegahan, bersaing, mementingkan status, tamak dan pentingkan kebendaan. Lantaran itu, mereka mementingkan jenama daripada mutu dan kesucian serta mementingkan hiburan daripada pendidikan. Akhirnya pengguna terjerumus ke kancuh budaya gemar membazir daripada bersifat sederhana dan mementingkan keperluan asas. Keadaan ini amat jelas bertentangan dengan prinsip kepenggunaan menurut perspektif Islam yang menekankan bahawa kehendak manusia perlu disertai oleh keupayaan dan kuasa untuk memenuhinya. Ia dipanggil kehendak yang sah (effective need) kerana secara amnya kehendak manusia itu tidak terbatas. Justeru, Islam menggariskan adab dan peraturan yang lengkap dalam menjalankan urusan niaga secara adil (fair dealing) sebagai perundangan bagi melindungi pengguna. Sejarah membuktikan bahawa semasa Rasulullah s.a.w. mula-mula memerintah Madinah, baginda telah menyucikan urusan perdagangan daripada pelbagai bentuk amalan keji seperti menipu, berjudi, riba', eksploitasi, mengaut keuntungan berlebihan dan sukatan yang tidak tepat. Rasulullah s.a.w. sebagai saudagar besar telah memperlihatkan contoh dan adab peraturan yang perlu dilaksanakan dalam urusan perniagaan iaitu:

- 1) Mendapatkan dan menikmati rezeki secara halal.
- 2) Mengharamkan perniagaan barangan dan perkhidmatan yang haram.
- 3) Berkelakuan baik semasa mengurus niaga.
- 4) Menjauhkan diri daripada amalan riba'.
- 5) Menjauhi urusan niaga yang melibatkan rasuah, wang kopi (earnest money), menyatukan dua urusan niaga dalam suatu tawar-menawar (bargain) dan menjauhi pertukaran barangan secara adil.
- 6) Menjalankan urusan niaga dengan jujur dan amanah.

### **KONSEP KEHENDAK DAN KEPERLUAN MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Di dalam ilmu ekonomi konvensional, kehendak memberi maksud keperluan manusia dan ianya haruslah disertai dengan keinginan dan kuasa (purchasing power) untuk memenuhi keperluan tersebut. Oleh itu, keperluan yang berkesan ialah keperluan yang dapat dipenuhi, barulah ianya dianggap kehendak (Afzatul al-Rahman : 1922). Kehendak dan kepuasan menjadi asas utama dalam perjuangan ekonomi seseorang. Bahkan semua kekayaan berfungsi untuk memuaskan kehendak manusia. Kecintaan manusia yang berlebihan terhadap kekayaan membawa pelbagai kehendak yang tidak pernah berakhir.

Justeru itu, ekonomi Islam sepertimana ekonomi konvensional turut memberi perhatian kepada aspek tuntutan biologikal dan persekitaran manusia. Namun begitu, ia meletakkan perbezaan yang jelas antara "kehendak manusia dan "keperluan manusia". Ini bermaksud, tidak semua kehendak manusia diberi ruang untuk dipenuhi. Hatta, Islam juga telah menetapkan keperluan mengikut keutamaan sama ada *dharuriyat* (asas), *hajiyyat* (keperluan kecekapan), *tahsiniyyat* (kesenangan) atau *kamaliyyat* (kemewahan). Ini membezakan dengan lebih ketara lagi dalam ekonomi konvensional yang mengatakan kehendak manusia tidak terhad berbanding dengan sumber ekonomi yang terbatas selarilah dengan ungkapan Leonard S.Silk :

*" Ilmu ekonomi menganggap setiap sumber atau barangan menjadi berkurangan apabila manusia tidak memperolehi sumber atau barang sebanyak yang dikehendaki"* (Leonard S.Silk: 1980)

Pada realitinya, kehendak manusia tidak selalunya membayangkan keperluan sebenar manusia. Malah dalam keadaan seperti lazimnya, kehendak manusia itu adalah tidak lebih lari dari keinginan nafsu. Pada asasnya, adalah tidak adil untuk dikatakan sumber-sumber ekonomi adalah terhad semata-mata kerana kehendak manusia yang melampau-lampau. Sekiranya andaian yang terdapat di dalam ekonomi konvensional diterima, maka jelaslah manusia meletakkan punca masalah ekonomi kerana sumber-sumber adalah terhad. Sebaliknya, Al-Quran dengan jelas menyatakan:



*“Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahannya, dan Dialah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna”*

(Surah Al-Furqan, 24: 2)

Dalam firman yang lain, Allah juga telah berfirman, *“ Dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu: dan Dialah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”*

(Surah Al-Ankabut, 29: 60)

Konklusinya, kita dapatlah menyimpulkan bahawa kegagalan mengawal kehendak manusia yang tidak terbatas itulah punca permasalahan yang sebenar ekonomi bukan kerana terhadnya sumber ekonomi.

## **MATLAMAT PENGGUNAAN DALAM ISLAM**

Perbincangan sebelum ini jelas menunjukkan bahawa perbezaan antara ekonomi Konvensional dan ekonomi Islam dalam penggunaan berpunca dari pendekatan yang berbeza dalam memenuhi kehendak manusia. Oleh kerana penggunaan dalam Islam berpaksikan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah, maka prinsip umum dalam penggunaan seseorang Muslim ialah menggunakan hanya barang-barang baik dan halal dalam memenuhi keperluan masing-masing. Dalam firman Allah yang bermaksud:

*“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi Kamu”*

( Surah Al-Baqarah, 2:168)

Oleh kerana ekonomi Islam lebih mengutamakan kepada memenuhi keperluan manusia dan bukan kehendaknya, kedudukan ini mencetuskan prinsip kesederhanaan dalam penggunaan dengan membuka ruang penggunaan terhadap barang-barang yang memang diperlukan berdasarkan priority tahap-tahap keperluan dalam Islam iaitu dharuruyyat, tahsiniyyat, dan kamaliyyat. Disiplin sebegini akan memastikan pengguna Muslim sentiasa mengambilkira perkara-perkara yang penting mengikut hierarki keperluan sebenarnya di samping tidak mengabaikan keperluan orang lain terutamanya dalam merealisasikan tuntutan harta bagi kebajikan sosial yang lain. Berdasarkan perbincangan yang telah dibincangkan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa matlamat perbelanjaan untuk penggunaan dalam ekonomi Islam boleh dirumuskan kepada dua tujuan seperti yang dinyatakan oleh Al-Qardawi (Dr Yusuf al-Qardawi: 1998) iaitu:

- 1) Membelanjakan harta di jalan Allah s.w.t
- 2) Membelanjakan harta untuk diri sendiri dan keluarga

Al-Qardhawi telah memperincikan perbincangan mengenai perbelanjaan harta di jalan Allah s.w.t. menyatakan bahawa dalam Al-Quran, seruan berbelanja di jalan Allah s.w.t ini wujud dalam berbagai bentuk antaranya:

- 1) Berbentuk perintah
- 2) Berbentuk galakan dengan menjanjikan ganjaran yang baik
- 3) Ancaman untuk mereka yang tidak membelanjakan harta di jalan Allah

Oleh itu, hasil rumusan daripada perbincangan di atas telah menunjukkan bahawa Islam dengan jelas menggariskan bentuk perbelanjaan penggunaan yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada pengguna yang terlibat malah manfaat itu turut dinikmati oleh anggota masyarakat yang lain. Aturan Islam terhadap aspek ini ialah mestilah dengan mengambilkira bahawa perbelanjaan untuk kepentingan umum tidak menjejaskan perbelanjaan perseorangan terhadap kebajikan diri dan keluarganya.

## KESIMPULAN

Secara konklusinya, penggunaan dari perspektif Islam merupakan aktiviti ekonomi yang mampu mewujudkan keseimbangan dalam sistem sosio-ekonomi masyarakat khususnya negara Malaysia. Namun begitu, Islam bukanlah semata-mata melenyapkan kehendak-kehendak manusia yang tidak terbatas namun menyeimbangkan kehendak material dan spiritual manusia secara adil. Dalam ekonomi Islam, langkah mengutamakan keperluan barangan dan perkhidmatan merupakan asas dalam pengeluaran dan pengagihan terlebih dahulu kepada semua lapisan masyarakat adalah secara praktikal. Rakyat dapat meneruskan hidup sesempurna mungkin walaupun dalam Islam ia membenarkan aspek keselesaan dan kualiti menerusi kepenggunaan barangan *dharuriyyat*, *tahsiniyyat* dan *kamaliyyat*. Justeru itu, keperluan asas dapat diselesaikan dan inilah bentuk kesederhanaan Islam dalam aktiviti penggunaan tanpa condong kepada permintaan golongan kaya semata-mata tetapi juga golongan miskin yang memiliki kuasa beli (*purchasing power*) yang rendah.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Sahidin, Azizah M. Isa, Mohd Shukor Abdul Manan dan Habibah Lehar (2000), *Teori Penggunaan Menurut Perspektif Islam*, Biroteks Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
- Abdul Rahim Annuar (1989), *Teori Gelagat Pengguna*, Sekolah Ekonom & Pentadbiran Awam, Universiti Utara Malaysia.
- Afzalul al-Rahman (1992), *Doktrin Ekonomi Islam*, Terjemahan oleh Mustafa Kassim, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
- D.W. Moffat (1982), *Economics Dictionary*. USA: Elsevier Science Publishing Company Incorporation
- Jahara Yaliaya (Prof. Dr) (2000), *Cabaran-cabaran Dalam Merealisasikan Model-Model Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia*, Kertas Kerja Muzakarah Penggubalan Model Pembasmian Kemiskinan Menurut Perspektif Islam di Subang Jaya Anjuran Yayasan Basmi Kemiskinan dan INMINSID pada 14-15 April 2000
- Nasbiah Abdul Wahid dan Ishak Ismail (2000), *Perlakuan Pengguna Edisi 2000*, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.:Petaling Jaya
- Rohani Abd Rahim, 1992, *Konsep Syariah dan Undang-undang Mengenai Kepenggunaan*, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Syariah dan Common Law di Malaysia, di Pusat Islam: Kuala Lumpur, 16-17 Mei 1992
- Wan Sabri Wan Hussin dan Mohamad Yusof Sanusi (1996), *Perlakuan Isi Rumah Sebagai Pengguna yang Bijaksana Di Dalam membuat keputusan Perbelanjaan Isi Rumah*, Kertas Kerja Seminar Kepenggunaan Institut pengajian Tinggi di Universiti Malaya Kuala Lumpur anjuran Kementerian Perdagangan dan Hal-Ehwal Pengguna dan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya pada 15 Ogos 1996